



Fail: (77) KPKT/BPK/19/7/4 KLT.38.

Tarikh: 15 March 2012

SIARAN MEDIA

TANGANI KERENAH BIROKRASI DI KAUNTER MELALUI OSC ONLINE

Jitra Kedah - "Ia amat mudah kerana sebarang permohonan boleh dilakukan pada bila-bila masa dan tidak perlu berurusan di kaunter" menurut YB Dato' Seri Chor Chee Heung semasa merasmikan (OSC) Online untuk 11 PBT di Negeri Kedah pada pagi ini.

OSC Online merupakan suatu platform ePenyerahan dan ePemprosesan sepenuhnya menggunakan elektronik. Melalui sistem OSC, proses permohonan cadangan pemajuan yang melibatkan urusan tanah, kebenaran merancang, pelan bangunan, pelan kejuruteraan dan lain-lain pelan yang berjumlah 32 kesemuanya telah dipermudahkan dan boleh mendapat kelulusan dalam jangka masa yang wajar. Ini merupakan penambahbaikan yang amat ketara daripada sistem lama yang memakan masa yang lebih panjang, iaitu antara 1 hingga 2 tahun serta melibatkan proses pengemukaan pelan kepada setiap Jabatan Teknikal Luaran secara berasingan. Tempoh kelulusan keseluruhan melalui OSC Online adalah 37 hari bagi kes mudah.

Tambah Chor lagi, Penggunaan Sistem OSC Online adalah lebih efektif dan efisien dari segi masa, dan dengan kelajuan Internet pada masa kini

ia dapat membantu mempercepat proses permohonan selain mengurangkan kos percetakan pelan khususnya kepada pelanggan. Aplikasi ringkas serta modul yang disediakan menerusi OSC Online amat mudah digunakan dengan syarat individu yang menggunakannya memerlukan sekurang-kurangnya kemahiran asas komputer”.

Berdasarkan Portal OSC, bilangan permohonan yang di rekod masuk di Negeri Kedah bagi tempoh Julai 2007 hingga semasa, sebanyak adalah 18,442 iaitu keenam tertinggi antara 14 negeri di Malaysia. Bilangan permohonan yang diterima mengikut PBT adalah seperti berikut :

1	Majlis Bandaraya Alor Setar	3,510
2	Majlis Perbandaran Kulim	4,075
3	Majlis Perbandaran Sungai Petani	6,213
4	Majlis Daerah Baling	567
5	Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan	457
6	Majlis Daerah Bandar Baharu	269
7	Majlis Daerah Kubang Pasu	1,901
8	Majlis Daerah Padang Terap	107
9	Majlis Daerah Pendang	463
10	Majlis Daerah Sik	282
11	Majlis Daerah Yan	284
12	PBT Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim	314
Jumlah Kedah Darul Aman		18,442

Sehingga kini sebanyak 76 PBT Semenanjung Malaysia telah melancarkan Sistem *OSC Online* dan dari jumlah tersebut sebanyak 1,957 permohonan telah diterima melalui sistem ini sejak ianya mula dilancarkan pada 4 Januari 2011.

10 PBT perintis ini adalah Majlis Bandaraya Johor Bharu, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan Majlis Perbandaran Nilai.

Turut hadir di majlis ini ialah Datuk Bandar Alor Setar, Yang Dipertua Majlis-Majlis Daerah di Negeri Kedah, pegawai kanan KPKT dan pegawai kanan Kerajaan Negeri Kedah.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh

:

Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Tel: 03-8891 5555 Faks 03-8891 5557 E-mail pro@kpkt.gov.my